



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

GARIS PANDUAN

PENCEGAHAN FAHAMAN
EKSTREMISME & RADIKALISME
DALAM KALANGAN BELIA DAN
MASYARAKAT

TERBITAN
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN FAHAMAN RADIKALISME DAN EKSTREMISME DALAM KALANGAN BELIA DAN MASYARAKAT

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2017

IYRES adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, institusi ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan dan latihan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603-8871 3705
Faks : 603-8871 3342

E-mel : info@iyres.gov.my
Laman web : www.iyres.gov.my


KANDUNGAN

1 PENGENALAN	1-4
• PENDAHULUAN	
• TUJUAN	
• SIAPA YANG PERLU AMBIL TAHU?	
• KRONOLOGI GERAKAN DAESH	
2 PENGENALAN KEPADA DAESH	5-7
• SIAPA ITU DAESH	
• KONSEP JIHAD DALAM ISLAM VS	
KONSEP JIHAD MENURUT	
PANDANGAN DAESH	
3 STRUKTUR IDEOLOGI DAESH	8-13
• PROSES KETERLIBATAN BELIA	
DALAM GERAKAN EKSTREMISME	
• STRUKTUR IDEOLOGI DAESH	
4 BAGAIMANA FAHAMAN RADIKALISME DISEBARKAN	14-16
• BAGAIMANA FAHAMAN RADIKALISME	
BOLEH DISEBARKAN	
• MEDIUM SEBARAN	
5 LANGKAH PENCEGAHAN	17-21
• PERANAN BELIA	
• PERANAN KELUARGA	
• PERANAN NGO	
• PERANAN KERAJAAN	
6 JENIS-JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DISABITKAN	22-23
7 AKTA-AKTA YANG BERKAITAN KEGANASAN	24-25
8 PENUTUP	26-28

PENGENALAN

Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme dan Radikalisme dalam Kalangan Belia serta Masyarakat ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pencegahan Radikalisme dalam Kalangan Belia Bil 1/2017 dan telah disemak oleh Kementerian Dalam Negeri.

1



PENDAHULUAN

Garis panduan mengenai pencegahan fahaman ekstremisme dan radikalisme dalam kalangan belia serta masyarakat dihasilkan sebagai salah satu daripada tindakan lanjutan dapatan Kajian Profil Belia dalam Kegiatan Ekstremisme 2016. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat keperluan untuk memberikan pengetahuan, pendedahan dan panduan kepada semua pihak berhubung isu ini. Ia secara tidak langsung dapat memberi penjelasan kepada semua pihak mengenai bahaya fahaman Daesh.

RADIKALISME :

Merupakan fahaman atau kepercayaan yang menginginkan perubahan yang mendadak dalam politik dan sosial

(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat)

EKSTREMISME :

Adalah fahaman individu yang terlalu taksub melampau atau keterlaluan terhadap agama namun tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang agama Islam terutamanya berkaitan hukum dan akidah.

(Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014)

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan panduan kepada belia dan masyarakat mengenai bahaya fahaman radikalisme dan keterlibatan dalam ekstremisme yang boleh memudaratkan diri, keluarga, bangsa serta menggugat keselamatan Negara.

Garis Panduan Ini Disarankan Kepada :

1 BELIA



2 MASYARAKAT



SIAPA YANG PERLU AMBIL TAHU?



BELIA

Individu berumur 15 hingga 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 - Akta 668)

Bermula tahun 2018, belia ditakrifkan sebagai individu yang berumur 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia - DBM)

8 kumpulan sasaran belia di bawah Dasar Belia Malaysia :

1 Belia Bersekolah: Belia yang menuntut di peringkat sekolah menengah

2 Belia Pengajian Tinggi: Belia yang menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi merangkumi universiti awam atau swasta, institusi latihan kemahiran awam atau swasta, politeknik, kolej komuniti dan kursus profesional

3 Belia Bekerjaya: Belia yang bekerja dalam pelbagai lapangan atau bidang

4 Perkumpulan Belia: Terbahagi kepada dua iaitu belia yang menjadi ahli berdaftar di bawah mana-mana pertubuhan berdaftar dan belia yang menjadi ahli kumpulan berdasarkan minat.

5 Belia Massa: Merangkumi belia bandar, belia luar bandar, belia kaum utama, ikon belia, keluarga muda dan ibubapa muda.

6 Belia Malaysia Antarabangsa: Merangkumi belia yang sedang bekerja dan belajar di luar negara dan belia yang pernah bekerja dan belajar di luar negara

7 Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir: Terbahagi kepada 2 kategori iaitu pertama, belia minoriti seperti orang asli dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kedua, golongan terpinggir iaitu anak yatim, miskin, gelandangan, ibu bapa tunggal dan ibu bapa bawah umur.

8 Belia Berisiko: Belia yang tergolong antaranya sebagai pesakit muda, bakal pesakit muda, tercicir dari sistem persekolahan, tidak berkerjaya, mangsa dera, bekas banduan, banduan, anak banduan, muflis, bakal muflis, bekas muflis, perokok, peminum arak, penagih dadah, bekas penagih dadah, pelumba haram, keceluaran identiti, penyeludup dan belia di sempadan.



MASYARAKAT

Merupakan sekumpulan orang yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara-cara dan peraturan-peraturan tertentu.

KRONOLOGI GERAKAN DAESH

2004

Abu Mus'ab Al-Zarqawi ber**bay'ah** dengan Osama bin Laden (Al-Qaeda) dan menukar nama pertubuhan kepada Al-Qaeda Iraq (AQI)

2006

Abu Mus'ab al-Zarqawi terbunuh dalam serangan dan diganti oleh Abu Ayyub Al-Masri, seterusnya menubuhkan *Islamic State of Iraq* (ISI)

2013

ISI bergabung dengan barisan Al-Nusrah di Syria dan membentuk nama *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) atau Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau Al-Dawlah Al-Islamiyyah fi Al-Iraq Wa Al-Sham (Daesh)



2003

Bermula penubuhan Kumpulan Bersenjata Tauhid dan Jihad (*Jama'ah Al-Tawhid Wa Al-Jihad*) oleh Abu Mus'ab Al-Zarqawi di Iraq

2006

AQI bergabung dengan kumpulan-kumpulan radikal kecil di Iraq dan membentuk Majlis Syura Mujahideen

2010

Abu Ayyub Al-Masri terbunuh dan diganti oleh Abu Bakr Al-Baghdadi

2014

Abu Bakr Al-Baghdadi mengisytiharkan penubuhan negara Islam (Daulah Islamiyyah) atau *Islamic State* (IS) dan melantik dirinya sebagai khalifah

Sumber :

The Resurgence of Al-Qaeda in Syria and Iraq, 2014

Uppsala Data Conflict Programme : Conflict Encyclopedia (Iraq), 2014

Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), 2014

Kajian Potensi Penerimaan dan Penolakan ISIS Pelajar IPT, IYRES, 2015

PENGENALAN KEPADA DAESH

2

SIAPA ITU DAESH?



- *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) atau *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza iaitu: Ansar Al-Islam; Jamaah Al-Tawhid Wa Al-Jihad; dan Mujahidin Al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghan selepas peristiwa 11 September 2001 (*JAKIM, 2014*).
- ISIS kumpulan yang menggelarkan diri mereka Negara Islam Iraq dan Jajahannya atau Negara Islam Iraq dan Syria. Mereka ini mendakwa adalah negara Islam, negeri yang diiktiraf dan aktif berjihad dengan kumpulan militan di Iraq dan Syria (*Mufti Wilayah Persekutuan, 2015*).
- Satu kumpulan pemberontak yang menyalahafsir agama untuk kepentingan politik. Ditubuhkan untuk memerangi kerajaan Syria dan Iraq kerana penindasan politik yang dilakukan kepada pengikut Sunni. Menggunakan konsep 'Jihad' untuk mencapai matlamat politik mereka. Mereka juga memerangi umat Islam yang enggan menerima perjuangan mereka (*IYRES, 2016*).

BENDERA DAESH

- 1 LATAR BELAKANG BERWARNA HITAM**
Bendera berwarna hitam sering dikaitkan dengan sejarah Islam. Ia selaras dengan riwayat Ibnu Abbas yang menyatakan bahawa "Bendera Nabi Muhammad S.A.W berwarna hitam sedangkan panji Baginda berwarna putih".

Daesh juga memilih hitam sebagai latar belakang bendera mereka.
- 2 TULISAN JAWI BERWARNA PUTIH DI BAHAGIAN ATAS**
Pada bendera Daesh terdapat kalimat *Laa ilaha illallah* iaitu kalimat tauhid yang berwarna putih.
- 3 BULATAN PUTIH DENGAN TULISAN JAWI DI BAHAGIAN TENGAH**
Pada bahagian tengah bendera, terdapat bulatan putih dengan tulisan jawi yang mengandungi kalimat Allah, Rasul, Muhammad.
- 4 BAY'AH**
Sumpah taat setia yang dilakukan oleh pengikut kepada Daesh sama ada secara bersemuka atau atas talian.

KONSEP JIHAD DALAM ISLAM

VS

KONSEP JIHAD MENURUT PANDANGAN DAESH

KONSEP JIHAD DALAM ISLAM

Jihad bermaksud gigih berusaha dengan sepenuh hati dan serius sehingga mencapai matlamat di jalan Allah (fi sabilillah). Pengertian jihad adalah komprehensif merangkumi jihad melawan nafsu (Jihad Al-Nafs), jihad medan perang (Jihad Qital), jihad untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Amar Ma'ruf Nahi Mungkar). Jihad juga meliputi menunaikan tanggungjawab kepada ibu bapa dan ahli keluarga.

Jihad terbahagi kepada 2 jenis iaitu jihad kecil (Asghar) dan jihad besar (Akbar). Contoh jihad kecil adalah jihad di medan perang (Al-Qital). Menurut Al-Quran, peperangan yang bertujuan untuk membela diri hanya boleh diisyitiharkan oleh pemerintah sahaja.

Ketika zaman pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W di Madinah, peperangan telah berlaku antara orang Islam dengan orang-orang kafir yang memusuhi Islam dengan nyata. Menurut Baginda Rasulullah S.A.W jihad lebih besar bukanlah peperangan. Tetapi baginda pernah bersabda setelah kembalinya Baginda daripada peperangan Badr yang bermaksud:

"Kita kembali daripada jihad yang kecil menuju jihad yang besar. Iaitu jihad melawan hawa nafsu"

Jihad dalam Islam dipandu oleh etika perang yang wajib dipatuhi oleh tentera. Misalnya, mereka tidak boleh mensasarkan wanita, kanak-kanak, orang tua, tempat ibadah, tumbuh-tumbuhan, binatang ternakan bahkan sumber bekalan air.

KONSEP JIHAD MENURUT PANDANGAN DAESH

Dalam doktrin Daesh jihad melawan musuh merupakan satu tuntutan agama (fardhu ain) dan konsisten dengan tuntutan tauhid yang difahami oleh pengikut Daesh. Mereka menolak dan menghapuskan musuh yang tidak menerima ideologi/fahaman/perjuangan mereka, sama ada orang Islam atau bukan Islam. Bagi menjayakan "jihad", Daesh menggunakan pelbagai bentuk perjuangan terutama "operasi syahid", iaitu membunuh diri sendiri atas niat melaksanakan jihad dan mencapai syahid. Daesh juga membenarkan penyokong mereka menggunakan pelbagai bentuk hukuman seperti penyembelihan, pembakaran dan melemaskan di dalam air untuk menakutkan musuh supaya mereka tidak menjadikan umat Islam sebagai sasaran.

Bagi golongan wanita yang mempunyai hasrat untuk menyertai kumpulan Daesh dan berkahwin dengan anggota Daesh, mereka melakukan jihad nikah, iaitu meninggalkan negara untuk tujuan berkahwin dengan anggota Daesh di medan perang. Hal ini kerana mereka beranggapan menjadi isteri kepada seorang pejuang Islam merupakan penghormatan tertinggi bagi seorang wanita dan mendapat ganjaran pahala.

STRUKTUR IDEOLOGI DAESH

3

PROSES KETERLIBATAN BELIA DALAM GERAKAN EKSTREMISME



1

PENDEDAHAN AWAL

- Insepsi pertama dalam kumpulan terbentuk melalui media sosial (*Facebook*).
- Peringkat mencari maklumat

2

MULA TERLIBAT

- Bay'ah (sumpah taat setia) dilakukan.
- Kebanyakan interaksi melalui telegram.
- Peringkat permulaan terlibat dengan menerima dan meyakini maklumat yang salah.

3

PEMBENTUKAN IDENTITI ISIS

- Peringkat pengukuhan pegangan dan kepercayaan melalui latihan.

4


TINDAKAN

- Penyertaan dalam aktiviti keganasan untuk penubuhan negara Islam berkhilafah melalui perang



STRUKTUR IDEOLOGI ISIS @ DAESH

Pembentukan ideologi ISIS @ Daesh terhasil dari interaksi tiga elemen utama iaitu faktor luaran, faktor dalaman, dan ideologi. Ia diperkuuhkan lagi dengan dua elemen lain, iaitu faktor individu (psikologi dan latar belakang), dan kewujudan kelompok atau jama'ah yang menyebarkan ideologi terbabit, sebagai penguat pada kepercayaan mereka. Gabungan elemen ini menghasilkan satu pola fahaman atau ideologi yang sangat ekstrem dan destruktif kepada agama dan negara.



Diadaptasi dan diubahsuai daripada Ahmad El-Muhammady (2016), *Negotiating Extremist Discourse and Militancy: A Study of Islamic State Group*.

STRUKTUR IDEOLOGI DAESH

FAKTOR LUARAN

Merujuk kepada peristiwa luaran yang berlaku di dunia Islam, misalnya pembunuhan pengikut Sunni di Syria, kezaliman yang dilakukan oleh rejim Israel pada rakyat Palestin, dan pelbagai bentuk kezaliman yang berlaku pada umat Islam di seluruh dunia. Peristiwa ini mewujudkan persepsi bahawa Islam dan umat Islam sedang ditindas dan berada dalam bahaya dan ini menjadi pendorong penting kepada individu di Malaysia menyertai kumpulan Daesh.

FAKTOR DALAMAN

Merujuk pada persepsi pengikut Daesh pada kerajaan yang memerintah. Kegagalan kerajaan melaksanakan hukum Islam merupakan bukti jelas bahawa kerajaan tersebut tidak wajib untuk ditaati. Bahkan menjadi kewajipan dan fardhu ain bagi umat Islam memerangi dan menjatuhkan kerajaan seperti ini kerana mereka tidak berpegang pada Tawhid Al-Hakimiyyah, iaitu kewajipan untuk melaksanakan hukum Islam sepenuhnya (kaffah). Perasaan mereka di diskriminasi dalam pemerintahan negara juga menjadi faktor penyumbang kepada pembentukan ideologi IS, sebagaimana apa yang berlaku pada orang Sunni di Iraq dan Syria.

FAKTOR KUMPULAN ATAU JAMA'AH

Kumpulan berperanan sebagai kumpulan sokongan (supportive group) atau sistem sokongan (supportive system) kepada ahli baru yang akan memberikan rasa kebersamaan, persaudaraan (ukhuwwah) dan merasa selesa apabila berada dalam kalangan individu yang mempunyai pemikiran yang sama. Kumpulan menyediakan suasana kondusif untuk penerapan fahaman Salafi-Jihadi yang dibawa.



5 Peringkat dalam Struktur Ideologi Daesh

1 PERINGKAT ASAS

Salah konsep mengenai Tawhid iaitu:

Konsep/Doktrin	Definisi	Salah Tafsir IS Dan Implikasinya
Tawhid al-Rububiyyah	Tuhan yang menjadikan alam, manusia, dan makhluk seluruhnya	Melaksanakan amalan wajib seperti solat, zakat, haji, dan hukum Islam. Sekiranya gagal, ia menjadi kafir dan dibunuh.
Tawhid al-Uluhiyyah	Allah ialah Tuhan yang layak untuk disembah. Menolak taghut, kufur, nifaq, andad, arbab, dan alihah. Tawhid ini membezakan antara orang Islam dan Kafir, musuh dan kawan ('al-Wala' wal Bara'), Negara Islam dan Negara Kafir.	Menolak demokrasi, sistem politik buatan manusia. Membunuh penganut Yazidi, Syiah, Kristian dan agama lain. Mengisyiharkan pengamal demokrasi sebagai taghut dan kafir kerana tidak menyakini Allah sebagai pembuat hukum. Negara Islam yang bersekongkol dengan Barat juga menjadi kafir.
Tawhid al-Asma' Wal Sifat	Allah memiliki nama-nama dan sifat-sifat yang indah yang tidak menyerupai makhluk.	Musnahkan simbol penyembahan, seperti kubur, kubah, peninggalan sejarah; pengikut Syiah kafir.
Tawhid al-Hakimiyyah dan Tawhid al-Mulkiyyah	Allah hanya satu-satunya Pembuat Undang-Undang Raja di Hari Pembalasan	Menolak Perlembagaan Negara dan undang-undang taghut. Menghukum kafir sesiapa yang amal sistem demokrasi dan sistem buatan manusia. Kewajipan mewujudkan Daulah Islamiyyah dan Khilafah.

Keyakinan ini menjadi lebih kuat apabila mereka mula mengaitkan dengan peristiwa di akhir zaman yang disebutkan dalam hadith dan kepentingan Negeri Sham sebagai tempat berlaku Perang Besar (*Armageddon*) sebelum berlakunya Hari Kiamat.

2 PERINGKAT KEDUA

Implikasi pembahagian tawhid akan membawa pada dikotomi pemikiran dan pembahagian kepada Muslim vs Kafir, Darul Islam vs Darul Harb atau Darul Kufr, al-Wala' (kesetiaan pada Islam dan Muslim) dan al-Bara' (permusuhan dengan orang kafir)

3 PERINGKAT KETIGA

Peringkat lafaz taat setia (bay'ah) pada kepimpinan atau kumpulan Daesh



4 PERINGKAT KEEMPAT

Seterusnya mereka akan meninggalkan negara atas dasar "hijrah" untuk menyertai kumpulan Daesh sama ada di Syria atau Iraq. Namun, terdapat juga pengikut Daesh yang tidak mampu untuk migrasi (hijrah) ke zon berkonflik, lantas mereka melaksanakan operasi atau serangan secara sendirian (*lone wolf*) terhadap sasaran tertentu. Serangan ini dilakukan untuk merealisasikan seruan "jihad" untuk membala dendam terhadap musuh Islam, walaupun tidak mampu untuk berjihad di Syria.

Dalam doktrin Daesh, jihad melawan musuh merupakan satu tuntutan agama (fardhu ain) dan konsisten dengan tuntutan tawhid yang difahami oleh pengikut Daesh. Dalam doktrin tawhid Daesh, menolak dan menghapuskan musuh yang tidak berpegang kepada Tawhid al-Hakimiyyah adalah wajib. Justeru, Daesh memusuhi sesiapa saja yang enggan menerima ideologi dan menyokong perjuangan mereka, sama ada orang Islam atau bukan Islam.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Daesh menggunakan pelbagai kaedah yang bertentangan dengan etika perang dalam Islam seperti operasi syahid, iaitu membunuh diri sendiri bersama dengan musuh atas niat melaksanakan jihad dan mencapai syahid, serta pelbagai kaedah penyeksaan yang tidak berperikemanusiaan.

5 PERINGKAT AKHIR

Matlamat terakhir kumpulan Daesh ialah untuk mewujudkan sebuah negara (Daulah Islamiyyah dan Khalifah) yang berpaksikan wacana Salafi -Jihadi.

BAGAIMANA FAHAMAN RADIKALISME DISEBARKAN

4

BAGAIMANA FAHAMAN RADIKALISME BOLEH DISEBARKAN

BELIA YANG MUDAH TERPENGARUH DENGAN FAHAMAN RADIKALISME

NILAI KENDIRI YANG RENDAH

- Merasa diri tidak berharga
- Individu yang berasa kekosongan jiwa atau kesunyian dalam diri

PERAPATAN YANG RENDAH

- Tidak rapat dengan ibu bapa
- Tidak rapat dengan rakan

NARSISSISTIK YANG TINGGI

- Mempunyai keinginan untuk menjadi 'hero' dan mendapatkan pujian atau perhatian orang lain
- Individu yang suka mengambil risiko

PENGHEROTAN KOGNITIF YANG TINGGI

- Cepat membuat kesimpulan yang salah
- Sentiasa mencari dan mengkaji input baru seterusnya membuat kesimpulan sendiri

KEAGRESIFAN YANG TINGGI

- Cepat bertindakbalas dari segi emosi, verbal dan fizikal

FAHAMAN YANG MENYIMPANG TENTANG AGAMA

- Mentafsir agama mengikut fahaman sendiri
- Menyalahtafsir ayat-ayat Al-Quran, hadith, sunnah dan pandangan ilmuan Islam

IMPULSIVE-SENSATION SEEKING YANG TINGGI

- Bertindak spontan dan tidak memikirkan akibatnya

EMOSI MUDAH TERSENTUH

- Individu yang mudah tertarik dengan perkataan jihad, syahid, misi kemanusiaan dan hubungan sesama Islam

KEINGINAN UNTUK BERUBAH

- Keinginan untuk berubah ke arah kebaikan
- Mencari jalan mudah untuk menebus dosa
- Merujuk kepada sumber dan individu yang salah

MEDIUM SEBARAN

BAHAYA! MAKLUMAT DAESH DISALURKAN MELALUI...



Media Sosial
(*Facebook, Telegram, Wechat, Whatsapp*)



Individu atau rakan yang mempunyai fahaman ideologi yang sama



Informasi peperangan yang berlaku di Syria dan Iraq melalui media *online*



Majalah atau buku yang mempromosikan fahaman ekstrem seperti Majalah Dabiq dan Rumiyah



Ceramah/Usrah yang mengandungi unsur-unsur ekstrem



Terpengaruh dengan ahli keluarga yang ekstrem



LANGKAH PENCEGAHAN

5

PERANAN BELIA



Tidak menyokong perjuangan Daesh samada dalam bentuk penyebaran , perkongsian atau 'like' terutama di media sosial. Misalnya, menyokong pembunuhan dan kezaliman yang dilakukan IS



Membuat semakan tentang kesahihan misi kemanusiaan yang mengutip dana



Menyemak badan-badan NGO yang menjalankan misi kemanusiaan sama ada ada telah mendaftar atau tidak sebelum terlibat



Jangan menyimpan bahan-bahan bercetak atau digital berkaitan Daesh. Contoh : bendera Daesh, mafla, topi, brosur, majalah dan bahan bercetak yang mengandungi idea berkaitan Islam agama peperangan dan pertumpahan darah



Memastikan anda sentiasa 'alert' dengan maklumat-maklumat baru yang disampaikan oleh pihak berkuasa



Memastikan setiap tindakan anda adalah selaras dengan undang-undang negara



Jangan sesekali melayari laman web yang mengandungi fahaman perjuangan Islam yang menjurus kepada peperangan dan pertumpahan darah

PERANAN KELUARGA



Memastikan hubungan yang erat dengan anak-anak pada setiap peringkat perkembangan



Mendapatkan ilmu pengetahuan berkaitan bahaya Daesh untuk dikongsikan dengan anak-anak



Menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat kepada anak-anak terhadap bahaya pembabitan dengan Daesh



Memastikan anak-anak mengetahui dan dapat mengenalpasti perkara yang berunsurkan Daesh



Memantau pergerakan anak-anak dalam segala hal meliputi rakan-rakan dan media sosial



Mengawasi setiap laman web yang dilayari oleh anak-anak



Memberi galakan kepada anak-anak dalam menyertai aktiviti berfaedah.



Mengesan sebarang tingkah laku anak-anak yang mencurigakan dan mendapatkan bantuan kaunseling



Melaporkan sebarang bentuk maklumat yang mempunyai unsur Daesh dan ekstrem kepada pihak berkuasa

PERANAN NGO



Membantu merealisasikan potensi positif yang ada pada setiap belia.



Mewujudkan persekitaran yang mesra belia di mana belia berasa dihargai dan dihormati.



Memberi peluang kepada belia untuk menyumbang kepada masyarakat berdasarkan potensi yang mereka ada.



Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam berkaitan ilmu tauhid yang betul.



Bekerjasama dengan ibubapa/institusi berwajib bagi melaporkan sesuatu situasi berkaitan Daesh yang berlaku dalam komuniti.



Mewujudkan komuniti kecil bagi menjaga kesejahteraan komuniti setempat.



Melaporkan sebarang bentuk maklumat/ ceramah/ risalah/ buku yang berunsurkan ideologi Daesh kepada pihak Polis.

PERANAN KERAJAAN



Memantau penceramah-penceramah bagi memastikan mereka tidak mempromosikan ideologi radikal yang boleh mencetuskan keganasan.



Mengawasi penggunaan media dan internet serta penjelasan yang terperinci tentang aktiviti kumpulan Daesh di media sosial.



Memantau dan mengambil tindakan terhadap bahan cetakan yang dijual di pasaran terbuka.



Memantau dan mengambil tindakan terhadap laman web yang memaparkan propaganda Daesh.



Memantau pendidik di sekolah agama/kebangsaan dan universiti bagi menyekat penularan rekrut Daesh.



Mewujudkan *hotline* khusus bagi aduan atau khidmat nasihat bagi membantu belia dan masyarakat dalam isu berkaitan Daesh.



Memantau dan memastikan semua aktiviti misi kemanusiaan mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan.



Mempergiatkan usaha dalam memberikan kefahaman yang jelas mengenai konsep jihad.

JENIS-JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DISABITKAN

6

JENIS-JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DISABITKAN

Antara bentuk kesalahan yang boleh disabitkan berhubung keterlibatan dalam Daesh:

- Melakukan perbuatan penganas - (**Seksyen 130C, Kanun Keseksaan**)
- Memberikan peralatan kepada penganas - (**Seksyen 130D, Kanun Keseksaan**)
- Merekrut orang sebagai ahli kumpulan penganas untuk menyertai perbuatan penganas - (**Seksyen 130E, Kanun Keseksaan**)
- Merekrut orang sebagai ahli kumpulan penganas untuk menyertai perbuatan penganas - (**Seksyen 130F, Kanun Keseksaan**)
- Menghasut, menggalak atau mencari harta untuk berlakunya sesuatu perbuatan penganas - (**Seksyen 130G, Kanun Keseksaan**)
- Memberikan kemudahan sebagai penyokong perbuatan penganas - (**Seksyen 130H, Kanun Keseksaan**)
- Mengarahkan aktiviti kumpulan penganas - (**Seksyen 130I, Kanun Keseksaan**)
- Keluar negara untuk melakukan perbuatan keganasan - (**Seksyen 130JA, Kanun Keseksaan**)
- Pemilikan dan sebagainya berhubung dengan penganas - (**Seksyen 130JB, Kanun Keseksaan**)
- Kesalahan membina dan sebagainya untuk penganas - (**Seksyen 130JC, Kanun Keseksaan**)
- Persiapan perbuatan keganasan - (**Seksyen 130JD, Kanun Keseksaan**)
- Melindungi orang melakukan perbuatan keganasan - (**Seksyen 130K, Kanun Keseksaan**)
- Ahli kepada kumpulan penganas - (**Seksyen 130KA, Kanun Keseksaan**)
- Pakat jahat jenayah - (**Seksyen 130L, Kanun Keseksaan**)
- Sengaja meninggalkan daripada memberi maklumat mengenai tindakan penganas - (**Seksyen 130M, Kanun Keseksaan**)

AKTA-AKTA BERKAITAN KEGANASAN

7



UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS INDIVIDU YANG TERLIBAT DENGAN DAESH

- (i) Kanun Keseksaan
- (ii) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (**AMLATFA PUA**)
- (iii) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (**SOSMA**)
- (iv) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (**POTA**)
- (v) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (**POCA**)
- (vi) Undang-undang lain yang berkaitan



PENUTUP

Semoga penghasilan garis panduan ini dapat memberikan maklumat, pendedahan dan panduan kepada belia dan masyarakat bagi mengelakkan diri dari terlibat dalam fahaman radikalisme seterusnya mengelak keterlibatan dalam aktiviti ekstremisme khususnya dalam Daesh.

8



INGATLAH!

-  **ISLAM ADALAH AGAMA KEAMANAN DAN BERKASIH SAYANG**
-  **BIJAKLAH DALAM MEMILIH KAWAN**
-  **TIADA JALAN PINTAS KE SYURGA**
-  **FAHAMI JIHAD YANG SEBENAR**
-  **KEMBALI KEPADA AJARAN ISLAM SEBENAR**
-  **BACA , FAHAMI DAN ANALISA MAKLUMAT DI LAMAN SOSIAL SEBELUM BERTINDAK**
-  **RUJUKLAH KEPADA MEREKA YANG LEBIH PAKAR**
-  **INGATLAH KEPADA INSAN-INSAN TERSAYANG**
-  **PERJUANGAN MENEGAKKAN KHILAFAH ISLAMIYAH ADALAH SATU UTOPIA**

GLOSARI

A

AQI

Al-Qaeda Iraq

B

Bai'ah

Bai'ah secara bahasa ialah berjabat tangan dan berjanji setia dan taat

D

Daesh

Al-Dawlah Al-Islamiyyah Fi Al-Iraq Wa Al-Sham

I

IS

Islamic State

ISIL

Islamic State in Iraq and the Levant

ISIS

The Islamic State of Iraq and Syria

Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barangsiapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan. Surah Al- Israa ayat 33.



LAPORKAN SEBARANG MAKLUMAT
YANG DIKETAHUI MENGENAI KETERLIBATAN
BELIA DALAM DAESH KEPADA:

Bahagian Counter Terrorism ,
Cawangan Khas,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,
50560 Bukit Aman, Kuala Lumpur

+603 - 2266 2222